

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 8/9/2013

Muka surat: 4

Tajuk : Mahasiswa Perlu Lengkapi Diri Dengan Ilmu, Kemahiran.

**4 Utusan Borneo**

Ahad, 8 September 2013

## Mahasiswa perlu lengkapi diri dengan ilmu, kemahiran

**KOTA SAMARAHAN:** Mahasiswa yang merupakan penegeraju negara pada masa depan perlu memperlengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran.

Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Amar Mohd Asfia Awang Nassar berkata, universiti ditubuhkan untuk menjadi ejen pendidikan dalam melatih dan melahirkan individu berpengetahuan luas.

"Universiti merupakan tempat pendidikan yang tertinggi dalam negara. Kalaupensyarah dan profesornya memberi nasihat yang bernalas kepada pelajar-pelajarnya, maka mahasiswa yang dihasilkan akan menjadi pemimpin yang tahu hala tuju," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Malam Kesarjanaan Mahasiswa (MKM) Minggu Aluan Pelajar Ambilan September 2013/2014 di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di sini, malam kelmarin.

Pada masa yang sama, Asfia menegaskan ilmu kepimpinan boleh dipelajari dari pada pemimpin-pemimpin



**TAHNIAH:** Asfia (tiga kanan) menyampaikan piala pusingan kepada juara debat, Kolej Bunga Raya sambil ditemani Rusli (dua kanan) pada majlis tersebut.

terdahulu dan mengadunkannya menjadi cara tersendiri.

"Kita tubuhkan universiti sebagai ejen pendidikan tertinggi untuk melatih generasi baharu yang mempunyai ilmu pengetahuan luas. Kalau tidak ada ilmu dan tidak menerima latihan, bagaimana nak melahirkan pemimpin terbaik?" tambahnya.

Selain itu, tegasnya, warga pendidik juga harus bijak mengeluarkan bakat terpendam yang ada dalam diri setiap pelajar.

"Generasi baharu akan menghadapi cabaran baharu bukan cabaran masa lalu, maka universiti perlu memainkan peranan mereka

membimbing pelajar ini ke arah yang betul," katanya.

Pada majlis itu, Kolej Bunga Raya dinobatkan juara Pertandingan Debat Ala Parlimen kategori Bahasa Melayu selepas berjaya mematahkan usul 'Demonstrasi Melambangkan Demokrasi' pihak 'kerajaan' yang diberisi pelajar Kolej Cempaka.

Manakala pendebatterbaik disandang oleh Mohd Fikri Mohd Ismaili dari Kolej Bunga Raya yang mengeutui barisan 'pembangkang'.

Hadir sama Dekan Pusat Pemajuan Pelajar UNIMAS Prof Madya Dr Rusli Ahmad dan tetamu kehormat lain.